

PENEROKAAN KEMAHIRAN, MOTIVASI, DAN CABARAN DALAM KESUKARELAWANAN: SATU KAJIAN KUALITATIF DALAM KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI

*(Exploring Skills, Motivation, and Challenges in Volunteerism:
A Qualitative Study Among University Students)*

NURUL HIDAYAH BINTI JAMALUDIN, ROZITA IBRAHIM*, ZURINA MAHADI,
WARDAH MUSTAFA DIN & NURUL HANIS AMINUDDIN JAFRY

ABSTRAK

Sukarelawan merupakan satu aktiviti yang dilakukan secara individu atau dalam kumpulan dengan tujuan membantu masyarakat dari sudut masa, tenaga atau kewangan tanpa mengharapkan ganjaran. Kebanyakan universiti di Malaysia menjalankan aktiviti sukarelawan dalam kalangan pelajar melalui program-program yang diadakan dalam universiti sama ada di fakulti atau kolej atau di luar bersama masyarakat. Kajian ini dilaksanakan untuk mengambil pendekatan bahawa penglibatan dalam aktiviti kesukarelawanan merupakan elemen penting dalam pembentukan sahsiah individu dan pembangunan sosial masyarakat. Walau bagaimanapun, masih terdapat jurang dalam pemahaman terhadap kemahiran kritikal yang diperlukan oleh pelajar bagi melaksanakan peranan mereka sebagai sukarelawan. Sehubungan itu, kajian ini meneroka pandangan pelajar universiti di Malaysia mengenai kemahiran yang diperoleh melalui penglibatan dalam aktiviti kesukarelawanan, faktor yang mendorong penyertaan mereka, serta cabaran yang dihadapi dalam mengekalkan penglibatan tersebut. Data dikumpul melalui perbincangan kumpulan fokus (FGD) bersama 32 orang pelajar yang dibahagikan kepada tiga kumpulan kecil (10–12 orang setiap kumpulan). Analisis tema mendapati tiga teras utama: (1) kesukarelawanan membentuk kemahiran komunikasi, kepimpinan, kerja berpasukan, dan empati; (2) motivasi yang mendorong penyertaan termasuk altruism, pengaruh rakan sebaya, dan pembangunan diri atau nilai spiritual; dan (3) cabaran dihadapi adalah kekangan masa, pemikiran kritis dan kurang keyakinan diri. Dapatan ini ditafsir menggunakan Teori Fungsional Kesukarelawanan, Teori Pembelajaran Berasaskan Pengalaman, dan Teori Modal Sosial. Implikasi dari kajian ini menekankan keperluan program kesukarelawanan yang lebih berstruktur dan sokongan institusi bagi memaksimumkan penyertaan dan hasil pembelajaran pelajar.

Kata kunci: kesukarelawanan; kemahiran insaniah; motivasi; pendidikan tinggi; temubual kumpulan fokus

ABSTRACT

Volunteering is generally defined as an activity carried out individually or in groups with the aim of helping the community through the contribution of time, energy, or financial resources without expecting any reward. In Malaysian universities, volunteerism is commonly practiced among students through various programs organized within faculties, residential colleges, or in

Please cite this article as: Nurul Hidayah Binti Jamaludin, Rozita Ibrahim, Zurina Mahadi, Wardah Mustafa Din & Nurul Hanis Aminuddin Jafry. 2025. Analisis Keperluan bagi Pembangunan Modul Literasi Mesra Disleksia: Perspektif Ibu Bapa, *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara* 26(1):107-124

collaboration with local communities. This study was conducted based on the premise that participation in volunteer activities is a vital element in shaping individual character and fostering social development. However, there remains a gap in understanding the critical skills required by students to effectively perform their roles as volunteers. Therefore, this study explores the perspectives of university students in Malaysia regarding the skills acquired through volunteer engagement, the motivating factors behind their participation, and the challenges they face in sustaining their involvement. Data were collected through focus group discussions (FGDs) with 32 students, divided into three smaller groups of 10–12 participants each. Thematic analysis revealed three key themes: (1) volunteerism develops communication, leadership, teamwork, and empathy skills; (2) motivations for participation include altruism, peer influence, and personal or spiritual development; and (3) challenges involve time constraints, limited critical thinking, and low self-confidence. The findings are interpreted through the lenses of the Functional Theory of Volunteerism, Experiential Learning Theory, and Social Capital Theory. The study highlights the need for more structured volunteer programs and stronger institutional support to maximize student participation and learning outcomes.

Keywords: focus group discussion; higher education; motivation; soft skills; volunteerism

PENGENALAN

Sukarelawan ditakrifkan sebagai individu atau kumpulan yang memilih untuk menyumbangkan masa, tenaga, sumber, pengetahuan, atau kemahiran mereka secara ikhlas dan tanpa paksaan untuk membantu masyarakat atau melaksanakan usaha kemanusiaan, dan tidak mengharapkan sebarang upah atau ganjaran material sebagai balasan (Azizan, 2016; Che Fazilah, Siti Nathrah & Fuziah, 2020). Menurut Siti Nathrah dan Fuziah (2020), individu yang menjalankan kerja sukarela bertujuan menzahirkan sifat kemanusiaan dan nilai-nilai murni yang terdapat dalam diri mereka. Tindakan ini didorong oleh altruisme atau naluri ingin melakukan kebaikan (Azizan 2005). Aktiviti sukarelawan lazimnya dilakukan dengan matlamat untuk membantu golongan yang memerlukan atau menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat (Ain Nuraisha & Nur Syafiqah 2025). Ia merupakan cabang dalam pembangunan komuniti dan pembentukan masyarakat yang progresif. Dalam konteks negara Malaysia pula, aktiviti sukarela adalah mekanisme penting bagi memperkukuh perpaduan nasional (Nik Ahmad Farid et al. 2023).

Hari Sukarelawan Antarabangsa (International Volunteerism Day) disambut setiap tahun pada 5 Disember iaitu tarikh yang ditetapkan secara rasmi oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 17 Disember 1985. Tujuan utama IVD adalah untuk meningkatkan kesedaran mengenai sumbangan penting perkhidmatan sukarela kepada pembangunan dan menggalakkan lebih ramai individu terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan. Peningkatan kesedaran dalam bidang kesukarelawanan telah menempatkan kesukarelawanan dalam dasar dan pentadbiran negara di mana 7 Disember telah dinobatkan sebagai Hari Kesukarelawan Malaysia. Ini merupakan satu penghargaan dan pengiktirafan buat sukarelawan di Malaysia. Kebanyakan sambutan Hari Kesukarelawan Malaysia dijalankan di Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bertujuan menggalakkan penglibatan dan kesedaran kesukarelawanan di kalangan pelajar. Aktiviti kesukarelawanan dilihat sebagai medium yang berkesan untuk membentuk tanggungjawab sivik

dalam diri pelajar. Aktiviti sukarela sering diintegrasikan dalam program kurikulum dan kokurikulum melalui pendekatan pembelajaran servis dan penglibatan komuniti (Ain Nuraisha & Nur Syafiqah 2025). Di peringkat global, penglibatan pelajar dalam kesukarelawan dikaitkan dengan peningkatan kesejahteraan, kebolehpasaran, dan pengukuhan semangat sivik (Nichol et al. 2023; Pusztai et al. 2021). Institusi pengajian tinggi di Malaysia juga secara proaktif menggalakkan pelajar untuk menyertai pelbagai program sukarelawan kerana aktiviti ini berpotensi melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik tetapi juga berkembang secara holistik dan bertanggungjawab (Fatimah et al. 2025). Pelbagai usaha Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dijalankan untuk menarik minat pelajar. Ini menyebabkan bidang kesukarelawan di kalangan para pelajar semakin diminati, bukan sahaja sebagai platform kebajikan untuk menyumbang kembali kepada masyarakat, malah menjadi medan penting pembangunan kemahiran insaniah untuk kejayaan mereka di masa hadapan (Muhammad Meffzal et al. 2025).

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT) telah memperkenalkan program *Gap Year* di kalangan mahasiswa untuk memperkasakan bidang kesukarelawan dengan tujuan melahirkan generasi muda yang lebih bertanggungjawab terhadap masyarakat. Program *Gap Year* di IPTA diperkenalkan bagi memberi peluang kepada mahasiswa menangguhkan pengajian sementara untuk menyertai aktiviti kesukarelawan, khidmat negara atau program pembangunan diri (Abu Bakar & Karim, 2021). Selain itu, penubuhan Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) pada tahun 2012 sebagai sebuah entiti rasmi di bawah KPT telah menjadi pemangkin kepada usaha memperkukuh budaya kesukarelawan dalam kalangan belia. Langkah ini secara tidak langsung memperluas peranan generasi muda dalam menyokong pembangunan komuniti dan negara secara menyeluruh (Nik Ahmad Farid et al. 2023). Kajian Hamzah et al. (2022) menunjukkan bahawa aktiviti sukarela di universiti bukan sahaja meningkatkan empati tetapi turut memperkukuh kemahiran insaniah seperti komunikasi, kerja berpasukan, dan kepimpinan, selari dengan keperluan pasaran kerja dan pembangunan modal sosial (Putnam, 2000).

Namun begitu, di sebalik peningkatan penglibatan dalam aktiviti kesukarelawan, terdapat jurang dalam pemahaman mengenai kemahiran spesifik, motivasi untuk menjadi sukarelawan dan cabaran yang dianggap penting oleh pelajar sendiri untuk menjadi seorang sukarelawan yang kompeten. Tanpa perspektif langsung daripada golongan pelajar, program latihan sukarelawan mungkin tidak dapat dirancang secara optimum untuk memenuhi keperluan sebenar mereka. Selain itu, faktor-faktor yang mempengaruhi minat pelajar untuk terus terlibat dalam kesukarelawan juga perlu dikenalpasti secara mendalam demi kelangsungan penglibatan mereka dalam jangka masa panjang. Kekurangan pemahaman yang jelas mengenai kemahiran yang diperlukan dan pendorong minat ini berpotensi menghalang program sukarelawan daripada mencapai potensi penuh dalam melahirkan barisan sukarelawan yang kompeten dan berdedikasi. Menurut Adnan (2023), isu utama yang dihadapi oleh pelajar dalam aktiviti kesukarelawan adalah kekangan masa dan kurang pengiktirafan menyebabkan mereka sukar untuk terlibat secara konsisten. Sejajar dengan permasalahan ini, kajian ini bertujuan mendapatkan pandangan pelajar mengenai kemahiran perlu bagi seorang sukarelawan, motivasi atau faktor penggalak untuk terlibat dalam aktiviti kesukarelawan serta cabaran yang dihadapi oleh pelajar dalam aktiviti ini. Kajian ini menggunakan kaedah temubual kumpulan fokus (FGD) bersama pelajar universiti yang terlibat dalam aktiviti kesukarelawan. Hasil kajian boleh digunakan sebagai panduan

pembangunan modul dan perancangan latihan bagi persediaan pelajar sebelum menceburkan diri dalam program kesukarelawanan bersama masyarakat.

SOROTAN KAJIAN

Kesukarelawanan dan khidmat masyarakat bertujuan meningkatkan perpaduan sosial dengan memupuk rangkaian perhubungan yang mengukuhkan hubungan dalam komuniti (Davies et al. 2024; Horsham et al. 2024). Penglibatan dalam aktiviti mulia ini bukan sahaja memberikan impak positif kepada komuniti yang dibantu, malah turut berperanan secara signifikan dalam pembangunan holistik diri sukarelawan itu sendiri, terutamanya dalam aspek kemahiran sosial dan insaniah (Ain Nuraisha & Nur Syafiqah, 2025; Muhammad Meffzal et al. 2025).

Kemahiran komunikasi seringkali diangkat sebagai elemen paling fundamental dalam kesukarelawanan. Komunikasi yang berkesan membolehkan sukarelawan berinteraksi secara lancar dengan pelbagai pihak, termasuklah penerima bantuan, rakan sukarelawan dan pihak penganjur (Turner, 2022). Ini merangkumi keupayaan untuk menyampaikan maklumat dengan jelas, mendengar secara aktif, dan membina hubungan yang positif. Tanpa komunikasi yang mantap, usaha sukarelawan mungkin tidak dapat diselaraskan dengan baik, sekaligus menjejaskan impak yang diinginkan. Selain itu, kerja berpasukan juga merupakan kemahiran kritikal yang tidak dapat dipisahkan daripada aktiviti kesukarelawanan memandangkan kebanyakan projek kemasyarakatan dijalankan secara kolaboratif. Keupayaan untuk bekerjasama, berkongsi tanggungjawab, dan saling menyokong dalam kalangan ahli pasukan adalah prasyarat penting untuk mencapai matlamat bersama (Wildman et al. 2021). Seterusnya, kemahiran penyelesaian masalah membolehkan sukarelawan menghadapi pelbagai cabaran dan halangan yang tidak dijangka semasa menjalankan tugas mereka, lantas mendorong mereka untuk mencari penyelesaian yang kreatif dan praktikal (Sloman, 2010). Seterusnya, penyelidikan turut menekankan kemahiran kepimpinan dan keupayaan menyesuaikan diri (*adaptability*) sebagai atribut yang sangat bernilai dalam kalangan sukarelawan (Xu et al. 2019; Van Vianen & Fischer, 2002). Sukarelawan yang memiliki ciri kepimpinan mampu memimpin inisiatif kecil, mengagihkan tugas, atau mempengaruhi rakan sebaya untuk mencapai objektif projek dengan lebih efisien. Keupayaan menyesuaikan diri pula membolehkan sukarelawan beroperasi dalam persekitaran yang pelbagai, dinamik, dan kadangkala tidak menentu, memastikan mereka kekal relevan dan berkesan dalam setiap situasi.

Dinamika penglibatan sukarelawan dapat dijelaskan secara mendalam melalui lensa pelbagai teori sosiologi dan psikologi. Motivasi sukarelawan dijelaskan secara komprehensif oleh Teori Fungsional Kesukarelawanan (TFK) (Clary et al. 1998), yang menegaskan bahawa tindakan sukarela berfungsi memenuhi pelbagai keperluan psikologi peribadi. TFK menekankan bahawa motivasi bukan semata-mata didorong oleh altruisme dan nilai kemanusiaan (Siti Nathrah & Fuziah, 2020; Azizan, 2005/2016), tetapi turut merangkumi motif pembangunan diri (*enhancement function*), keinginan untuk memperoleh kemahiran baharu dan meningkatkan keyakinan diri (Hamzah et al. 2022). Fungsi sosial dalam TFK juga menjelaskan pengaruh ikatan rakan sebaya sebagai pemangkin awal penglibatan, walaupun niat awal mungkin didorong secara “terpaksa” sebelum bertukar menjadi minat tulen (Tuan Pah Rokiah & Lilah, 2016).

Hubungan antara pengalaman dan hasil pembelajaran pula disokong kuat oleh Teori Pembelajaran Berasaskan Pengalaman (TPE) (Kolb, 1984). TPE menggariskan bahawa kemahiran insaniah yang kritikal seperti komunikasi, kerja berpasukan, dan kepimpinan adalah hasil daripada kitaran pengalaman, refleksi, dan eksperimentasi aktif yang berlaku semasa kerja lapangan. Aktiviti sukarela berfungsi sebagai makmal sosial di mana kebolehan adaptasi dan pemikiran kritis pelajar diuji secara langsung, memaksa mereka untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran yang asing dan menyelesaikan masalah logistik yang kompleks (Mohd Faiq & Shazlyn, 2024; Manaf et al. 2021). Kemahiran ini diserap secara lebih mendalam kerana ia diperolehi dalam konteks nyata yang menuntut aplikasi kemahiran membuat keputusan segera.

Walaupun dorongan motivasi adalah tinggi dan proses pembelajaran kemahiran berjalan lancar, kelestarian aktiviti sukarelawan sering terancam oleh cabaran yang berkait rapat dengan kelemahan dalam Modal Sosial (Putnam, 2000). Kekangan masa dan pengurusan tanggungjawab berganda merupakan cabaran dalaman yang paling konsisten (Mohd Faiq & Shazlyn, 2024) yang menuntut mahasiswa untuk mengamalkan disiplin diri yang ketat. Sementara itu, cabaran luaran seperti kurangnya pengiktirafan formal dan isu logistik (Ab. Razak et al. 2023) menunjukkan kegagalan institusi untuk membina modal sosial yang kukuh. Tanpa jaringan sokongan dan sistem ganjaran yang jelas, risiko keletihan emosi (burnout) dan ketidakmampuan mengurus batas empati dalam berhadapan dengan isu kemanusiaan yang teruk menjadi tinggi (Mohamad Zaini & Siti Aisyah, 2021). Oleh itu, kebolehan untuk menguruskan cabaran ini memerlukan bukan sahaja pembangunan kemahiran peribadi, tetapi juga campur tangan strategik oleh institusi untuk memastikan sokongan dan pengiktirafan yang mantap (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2023).

Di Malaysia, fokus kajian mengenai kesukarelawan sering kali tertumpu kepada peranan institusi pengajian tinggi dalam memupuk penglibatan pelajar. Sebagai contoh, Universiti Utara Malaysia (UUM) telah melatih pelajarnya sebagai sukarelawan untuk program pendidikan sentuhan selamat di sekolah rendah, memperlihatkan peranan penting sukarelawan dalam menyebarkan ilmu dan kesedaran kepada masyarakat (Fatimah et al. 2025). Penyelidikan lain turut menunjukkan bahawa pengalaman khidmat masyarakat dan kesukarelawan secara signifikan memberi impak positif terhadap pembangunan kemahiran sosial pelajar (Ain Nuraisha & Nur Syafiqah, 2025). Walaupun terdapat banyak kajian mengenai kemahiran sukarelawan secara umum, tetapi masih wujud jurang dalam literatur yang meneroka secara khusus pandangan pelajar mengenai kemahiran yang mereka anggap penting, serta faktor-faktor yang mempengaruhi minat dan cabaran yang mereka hadapi dalam aktiviti ini. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengisi jurang tersebut dengan mendapatkan perspektif langsung daripada pelajar, yang akan menjadi input berharga dalam perancangan program sukarelawan yang lebih berkesan pada masa hadapan.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk meneroka:

1. Pandangan pelajar mengenai kemahiran yang diperlukan untuk aktiviti kesukarelawanan.
2. Motivasi yang mendorong penyertaan pelajar dalam sukarelawan.
3. Cabaran yang dihadapi untuk mengekalkan penglibatan pelajar dalam aktiviti sukarelawan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah Perbincangan Kumpulan Fokus (Focus Group Discussion, FGD). Pendekatan kualitatif dipilih kerana ia menekankan pemahaman terhadap makna yang dibina oleh individu berdasarkan pengalaman dan konteks sosial mereka (Creswell & Poth, 2018; Merriam & Tisdell, 2016). Kaedah FGD pula digunakan kerana ia membolehkan interaksi yang dinamik serta perkongsian pandangan yang lebih mendalam, kaya, dan spontan dalam kalangan peserta (Basnet, 2018; Kitinger, 1995). Peserta kajian ini terdiri daripada pelajar program Sarjana Muda Sains Citra yang berada pada tahun dua, tiga dan empat pengajian yang mengambil kursus pelbagai bidang penumpuan di pelbagai fakulti di Universiti Kebangsaan Malaysia atau menjalani sangkutan di universiti lain di Malaysia. Semua peserta kajian pernah menyertai aktiviti kesukarelawanan samada sekali atau lebih. Peserta dibahagikan kepada tiga kumpulan dengan 10 hingga 12 orang ahli dalam setiap kumpulan. Pelajar tahun dua, tiga dan empat telah dipilih sebagai peserta kajian dengan andaian bahawa mereka telah memperoleh pendedahan luas dalam aktiviti ko-kurikulum serta berpengalaman menyertai program kesukarelawanan sepanjang tempoh pengajian. Oleh itu, mereka dijangka dapat memberikan pandangan yang lebih matang dan relevan terhadap isu yang dikaji.

Prosedur Pengumpulan dan Analisis Data

Sesi FGD berlangsung selama lebih kurang 1 jam 30 minit bagi setiap kumpulan. Setiap kumpulan FGD dipengerusikan oleh seorang moderator yang terlatih di kalangan pensyarah dan juga pelajar sarjana yang berperanan untuk memastikan kelancaran perbincangan, menggalakkan penglibatan aktif daripada semua peserta, dan memastikan fokus perbincangan kekal pada topik yang ditetapkan. Setiap moderator telah menjalani sesi orientasi untuk melatih mereka menjadi moderator yang teratur (organized), menunjukkan ciri kepimpinan (a leader), berfikiran terbuka (open minded) dan fleksibel serta peka dan memberi perhatian (attentive) (Roller & Lavrakas 2015). Protokol temubual yang sama digunakan oleh ketiga-tiga kumpulan. Protokol temubual dibangunkan hasil kajian lepas dan perbincangan kumpulan penyelidik dengan tujuan menjawab objektif kajian yang ditetapkan (Castillo-Montoya, 2016). FGD telah dirakamkan dengan izin peserta dan kemudiannya transkrip verbatim disediakan bagi tujuan analisis.

Analisis data yang diperolehi daripada transkrip FGD telah dilakukan dan dianalisis menggunakan kaedah analisis tema oleh Braun dan Clarke (2006). Etika penyelidikan dipatuhi dengan kebenaran dan persetujuan bertulis daripada semua peserta. Proses analisis ini melibatkan beberapa langkah sistematik. Pertama, rakaman audio ditranskripsi secara verbatim untuk mendapatkan data teks yang lengkap dan tepat. Kedua, penyelidik membaca transkrip berulang kali bagi mendapatkan pemahaman menyeluruh tentang kandungan dan konteks perbincangan. Ketiga, idea-idea atau frasa-frasa penting yang berkaitan dengan soalan kajian dikenal pasti dan dikodkan. Keempat, kod-kod yang serupa dikelompokkan bersama untuk membentuk tema-tema yang lebih luas dan bermakna. Kelima, tema-tema yang telah dikenal pasti disemak semula dan diperhalusi untuk memastikan ia mencerminkan data dengan tepat dan konsisten. Akhir sekali, tema-tema tersebut diterangkan secara terperinci dengan sokongan petikan langsung daripada transkrip untuk mengukuhkan dapatan kajian. Proses analisis yang teliti ini membolehkan penyelidik mengenal pasti corak, persamaan, dan perbezaan dalam pandangan pelajar mengenai

kemahiran sukarelawan, minat, dan cabaran yang dihadapi. Setelah dikenal pasti, tema dianalisa dan ditafsirkan secara induktif.

HASIL KAJIAN

Latar Belakang Peserta FGD

Peserta FGD terdiri daripada 32 orang pelajar UKM dari program Sarjana Muda Sains Citra (SmSn Citra) yang pernah terlibat dengan aktiviti kesukarelawanan. Seramai 20 pelajar adalah perempuan manakala 12 orang lagi adalah lelaki. Jantina juga memainkan peranan penting dalam penyertaan sukarelawan (Norhasliza & Nor Aishah, 2020). Wanita sering menunjukkan kadar penglibatan lebih tinggi kerana lebih terdorong oleh nilai empati dan tanggungjawab sosial (Arshad et al. 2015) dan cenderung menyertai aktiviti berbentuk kebajikan dan komuniti (Bellido, 2021).

Jadual 1. Jantina peserta FGD

Bil	Jantina Peserta	Jumlah Peserta
1	Lelaki	12
2	Perempuan	20
Jumlah Peserta Keseluruhan		32

Jadual 2 menunjukkan tahun pengajian peserta FGD di mana tahun dua seramai 13 orang, tahun tiga seramai 11 orang dan tahun pengajian akhir seramai 8 orang. Kajian longitudinal oleh Brewis & Holdsworth (2022) mendapati bahawa apabila pelajar semakin meningkat tahun pengajian, tujuan penyertaan berubah daripada motivasi altruistik kepada motivasi instrumental, iaitu menjadikan sukarelawan sebagai alat pembinaan kerjaya.

Jadual 2. Tahun pengajian peserta FGD

Bil	Tahun Pengajian	Jumlah Peserta
1	1	-
2	2	13
3	3	11
4	4	8
Jumlah Keseluruhan Peserta		32

Jadual 3 menunjukkan kekerapan penglibatan aktiviti sukarelawan peserta FGD iaitu sebanyak satu sehingga lima kali adalah 22 orang, lebih dari lima hingga 10 kali adalah seramai lapan orang, manakala untuk lebih dari 10 kali adalah dua orang sahaja. Majoriti pelajar melaporkan hanya menyertai aktiviti sukarelawan sekali hingga tiga kali sepanjang tempoh pengajian, khususnya melalui program universiti atau badan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan

dengan kebajikan masyarakat. Dapatan ini sejajar dengan hasil kajian penglibatan pelajar UKM dalam aktiviti kesukarelawanan yang menunjukkan bahawa 79.6% pelajar pernah menyertai sukarelawan, namun sebahagian besar terlibat secara berkala dan tidak berterusan (IAEME, 2020).

Jadual 3. Kekerapan aktiviti sukarelawan peserta FGD

Bil	Kekerapan Aktiviti Sukarelawan	Jumlah Peserta
1	1-5	22
2	6-10	8
3	Lebih dari 10	2
Jumlah Peserta Keseluruhan		32

Majoriti peserta FGD mempunyai pengalaman yang pelbagai dalam aktiviti kesukarelawanan, sama ada melalui program anjuran universiti, luar universiti, inisiatif NGO atau projek komuniti tempatan. Antara aktiviti sukarelawan yang diikuti peserta FGD adalah program anjuran Pusat Pengajian Citra Universiti (PPCU) bersama Pusat Pemerkasaan Remaja (PERKASA), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM di Pulau Tuba, Langkawi, Kedah. Program tersebut merupakan program anak angkat bersama pelajar Citra dan remaja B40 dari Kuala Lumpur. Peserta turut menyantuni komuniti warga emas di pulau berkenaan dan mengikuti program penanaman bakau di kawasan pantai bersama Jabatan Alam Sekitar negeri Kedah. Selain itu, sebahagian peserta FGD pernah mengendalikan sukan orang pekak yang memerlukan kemahiran bahasa isyarat; dan ada peserta yang berpengalaman dalam membantu mangsa banjir di Selangor dan pantai timur. Akhirnya sebahagian peserta FGD mempunyai pengalaman di luar negara seperti program integrasi silang budaya ke Nakhon, Thailand yang dianjurkan bersama oleh PPCU dan kumpulan Bikers UKM. Pengalaman-pengalaman ini telah membentuk asas kepada pandangan mereka mengenai kemahiran yang diperlukan serta cabaran yang mungkin dihadapi. Menariknya, beberapa pelajar menyatakan minat dalam bidang kesukarelawanan atas dasar secara sukarela sepenuhnya, didorong oleh keinginan untuk menyumbang. Namun, terdapat juga peserta yang mengakui bahawa penglibatan mereka pada awalnya adalah atas dasar terpaksa atau desakan rakan, tetapi kemudiannya perasaan tersebut bertukar menjadi minat yang mendalam. Umumnya, peserta FGD terlibat dalam program kesukarelawanan yang bersifat jangka pendek. Ini selari hasil kajian Basirun et al. (2024) yang mendapati pelajar cenderung menyertai aktiviti sukarelawan jangka pendek seperti program komuniti, derma darah dan kempen kebersihan berbanding penglibatan jangka panjang.

Bahagian seterusnya membincangkan dapatan kajian ini secara naratif mengikut objektif yang digariskan. Hasil analisis transkrip FGD mengenalpasti empat kemahiran utama yang ditekankan secara konsisten oleh peserta iaitu kemahiran berkomunikasi, kebolehan beradaptasi, semangat kerja berpasukan, dan empati yang mendalam. Seterusnya, motivasi utama dalam menjalankan aktiviti sukarelawan adalah altruism, pengaruh rakan sebaya dan pembangunan diri atau nilai spiritual. Akhirnya cabaran utama dalam kesukarelawanan adalah kekangan masa, pemikiran kritis dan kurang keyakinan diri.

Kemahiran Sukarelawan

Kajian lepas menunjukkan bahawa aktiviti kesukarelawanan membantu pelajar membina kemahiran insaniah seperti komunikasi, kepimpinan, dan kerja berpasukan (Hamzah et al., 2022; Manaf, Ahmad, & Baharudin, 2021). Penglibatan pelajar dalam aktiviti kesukarelawanan juga membantu kemahiran membuat keputusan dan pengurusan konflik. Melalui interaksi dengan komuniti dan rakan sepasukan, pelajar belajar menyampaikan maklumat dengan jelas, mendengar secara efektif, bekerjasama dalam kumpulan dan menghormati peranan ahli lain (Giancaspro, 2021; Mahazir & Aziz, 2025).

Peserta secara kolektif mengenal pasti beberapa domain kompetensi utama yang dianggap penting untuk menjadi seorang sukarelawan yang berkesan. Kemahiran-kemahiran ini saling berkaitan dan membentuk pelajar menjadi graduan yang holistik, selaras dengan aspirasi pendidikan tinggi negara.

Kemahiran Komunikasi

Kemahiran komunikasi adalah kemahiran yang paling kerap disebut dan diberi penekanan utama oleh mahasiswa. Pelajar secara konsisten menekankan kepentingan komunikasi yang jelas, keupayaan untuk mendengar secara aktif (*active listening*), dan kemahiran menyampaikan maklumat dengan berkesan kepada pelbagai pihak termasuk penerima bantuan, rakan sukarelawan, dan pihak penganjur.

“Komunikasi bukan sekadar bercakap, tapi memahami latar komuniti yang kita bantu.” (Peserta 1, Kumpulan 1)

“Tambahan pula, dari segi komunikasi ini, dia boleh ajar kita macam mana, dia akan didik kita macam mana cara kita layan seseorang.” (Peserta 3, Kumpulan 2)

“Kemahiran berfikir, kemahiran komunikasi, lepas tu buat *decision* yang tepatlah dan berani.” (Peserta 8, Kumpulan 3)

“Saya rasa yang penting adalah komunikasi sebab komunikasi ini bukan sahaja dalam ahli pasukan kita saja. Kita juga komunikasi dengan orang luar. So kalau macam ada komunikasi yang baik, kita dapat lakukan segala kerja dengan lebih baik.” (Peserta 4, Kumpulan 1)

Kesedaran ini menunjukkan peranan komunikasi sebagai jambatan kepada kolaborasi dan penyelesaian masalah di lapangan. Kajian oleh Hamzah et al. (2022) mengesahkan bahawa aktiviti sukarelawan yang dilaksanakan oleh universiti terbukti berkesan dalam meningkatkan kemahiran komunikasi antara budaya dan hubungan sosial mahasiswa. Tambahan pula, Manaf et al. (2021) mendapati pendedahan kepada kerja sukarela membantu pelajar dalam menzahirkan idea secara kritis dan meningkatkan keyakinan diri mereka untuk berkomunikasi di khalayak ramai. Keutamaan ini selaras dengan Pelan Tindakan Pendidikan Tinggi Malaysia 2022–2025 yang menyenaraikan komunikasi sebagai salah satu kemahiran utama yang perlu dipupuk (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2023).

Kerja Berpasukan dan Kolaborasi

Selain komunikasi, kerja berpasukan juga merupakan kemahiran penting yang ditekankan. Pelajar memahami bahawa keupayaan untuk bekerja dalam kumpulan, berkongsi idea dan tanggungjawab, serta saling menyokong ahli pasukan lain adalah penting untuk kejayaan sesuatu projek sukarelawan. Pengalaman ini melatih mahasiswa tentang tanggungjawab bersama dan kecekapan dalam kolaborasi antara disiplin. Hamzah et al. (2022) secara jelas menunjukkan bahawa khidmat komuniti dan kerja sukarela berjaya meningkatkan kemahiran ini, yang mana turut disokong oleh Mohd Faiq & Shazlyn (2024) yang berpendapat bahawa kebolehan pelajar untuk mengadaptasi diri dalam pasukan yang pelbagai adalah indikator kejayaan pembangunan sahsiah. Lebih awal lagi, Tuan Pah Rokiah & Lilah (2016) telah menegaskan bahawa bekerja dalam kumpulan sukarelawan mengajar belia tentang interaksi sosial dan cara penyelesaian masalah.

“Untuk yang kerjasama berpasukan itu, yang pertama ialah komited terhadap tugas masing-masing. Setiap orang kena peka dan alertlah dengan tugas masing-masing. Yang kedua ialah mengekalkan hubungan baik antara satu sama lain.” (Peserta 5, Kumpulan 1)

Empati dan Nilai Kemanusiaan

Kemahiran empati dan simpati turut diserlah sebagai elemen penting dalam konteks kesukarelawan. Keupayaan untuk memahami dan berkongsi perasaan orang lain, serta menunjukkan belas kasihan, adalah penting dalam kerja sukarelawan yang melibatkan interaksi dengan pelbagai latar belakang individu. Keutamaan ini berakar umbi kerana kerja sukarela bertujuan menzahirkan sifat kemanusiaan dan nilai-nilai murni (Siti Nathrah & Fuziah, 2020; Azizan, 2016). Namun demikian, seorang peserta mengingatkan tentang perlunya ada kesedaran akan batas-batas empati demi kesejahteraan sukarelawan itu sendiri, satu aspek yang disokong oleh Mohamad Zaini & Siti Aisyah (2021) yang mengkaji pembangunan kecerdasan emosi (EQ) pelajar melalui projek sukarelawan.

“Ibu mengandungi rasanya paling kesianlah memang sarat dan nak keluar dah *babynya*. So sanggup datang semata-mata untuk vaksin. So bila kita tengok tu, bila kita tanamkan rasa tanggungjawab tu, akan timbul rasa simpati, empati.” (Peserta 10, Kumpulan 1)

“Sebab kalau *someone* tu sendiri dia tak ada rasa empati, *how can* dia pergi buat *volunteerism* betul?” (Peserta 1, Kumpulan 3)

“*Emotional intelligence* orang kata apa, dalam bahasa mudahnya adalah pengurusan emosi itu sendiri. Sebab bila saya sebutkan tadi saya tekankan tentang empati dia bermain dengan emosi bagaimana kita menerima atau mendapatkan apa yang dirasakan oleh orang lain dan kita dapat rasa benda tu yang sama.” (Peserta 6, Kumpulan 2)

Adaptasi dan Fleksibiliti

Seterusnya, adaptasi dan fleksibiliti juga diiktiraf sebagai kemahiran kritikal dalam operasi sukarelawan yang selalunya berlaku dalam persekitaran yang tidak menentu. Sukarelawan perlu mampu menyesuaikan diri dengan situasi dan persekitaran yang berbeza, serta bersedia untuk

menghadapi perubahan yang tidak dijangka (seperti halangan logistik atau perubahan keperluan komuniti). Keupayaan ini membina daya tahan (*resilience*) peribadi dan kemahiran penyelesaian masalah di luar jangkaan. Dalam hal ini, Che Fazilah, Siti Nathrah & Fuziah (2020) menyokong bahawa sukarelawan yang berkesan perlu mempunyai kebolehan untuk memahami keperluan semasa dan menyesuaikan tindakan, manakala Mohd Faiq & Shazlyn (2024) menekankan kepentingan kemahiran menguruskan tekanan dan menyesuaikan diri dengan situasi baharu.

“Untuk saya kompetensi yang perlu ada untuk sukarelawan adalah *flexibility*. *Flexibility* ni macam kita dapat mengadaptasikan diri kita dengan situasi yang akan berubah dan sebarang cabaran ataupun tentangan yang datang.” (Peserta 5, Kumpulan 2)

Motivasi Pelajar dalam Kesukarelawanan

Motivasi peserta kajian yang dikenalpasti dalam sesi temubual ini adalah altruisme, pengaruh rakan sebaya dan pembangunan diri atau nilai spiritual.

Altruisme

Umumnya peserta FGD menyatakan bahawa penglibatan mereka dalam bidang kesukarelawan dicetuskan oleh simpati dan empati terhadap golongan yang memerlukan. Dorongan membantu kerana prihatin terhadap kebajikan kesejahteraan orang lain dikenali sebagai altruisme (Kay & Granfield, 2022; Mokhzan et al., 2023; Hidayati, 2024). Dalam konteks sukarelawan, altruisme merujuk kepada tindakan sukarela yang didorong oleh keinginan untuk memberi manfaat kepada orang lain tanpa mengharapkan ganjaran atau balasan material. Ini disokong oleh kajian dari Azizan (2016) bahawa tindakan sukarela didorong oleh rasa ikhlas untuk membantu orang lain dan dengan menzahirkan sifat kemanusiaan dan nilai-nilai murni (Siti Nathrah & Fuziah, 2020).

“Saya rasa puas bila dapat bantu orang, bukan sebab sijil tapi kerana nilai kemanusiaan.” (Peserta 1, Kumpulan 3)

“Kadang-kadang rasa kesian bila kita tengok keadaan mereka, timbul rasa sedih dan rasa kemanusiaan tu sendiri bila kita tolong orang dan tak mengharapkan balasan.” (Peserta 5, Kumpulan 3)

Pengaruh Rakan Sebaya

Selain itu, pengaruh sosial dan ikatan rakan sebaya turut menjadi pemangkin awal penglibatan. Kajian Tuan Pah Rokiah & Lilah (2016) menggariskan bahawa interaksi sosial adalah pendorong utama belia untuk terlibat dalam aktiviti kesukarelawan. Interaksi sosial ini membantu dalam menarik minat pelajar untuk menyertai aktiviti sukarelawan secara berkumpulan kerana faktor pengaruh rakan sebaya. Walaupun penglibatan peserta kajian mungkin bermula secara “terpaksa” kerana dorongan rakan (Peserta 2, Kumpulan 3) pengalaman positif di lapangan selalunya mampu mengubah persepsi awal tersebut menjadi minat yang mendalam dalam bidang kesukarelawanan.

“Walaupun penglibatan mungkin bermula secara terpaksa kerana dorongan rakan.” (Peserta 2, Kumpulan 3)

“Penyertaan saya dalam program sukarelawan disebabkan saya tengok kawan saya *join* program fakulti.” (Peserta 4, Kumpulan 1)

Pembangunan Diri/Nilai Spiritual

Peserta kajian menyatakan bahawa mereka berminat untuk memperoleh kompetensi yang tidak diajar di dalam kuliah misalnya kemahiran komunikasi yang sangat diperlukan. Ini disokong oleh kajian Hamzah et al. (2022) menyokong bahawa aktiviti sukarelawan berkesan dalam memupuk kemahiran insaniah seperti komunikasi, kerja berpasukan, dan hubungan sosial. Kemahiran insaniah ini membantu memberikan nilai tambah dalam pembangunan diri pelajar sekaligus menjadi dorongan untuk terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan. Pembangunan diri pelajar dapat dilihat melalui kematangan pelajar dalam penglibatan dan pengurusan program yang dilaksanakan.

“So satu lagi yang saya rasa yang perlu ada adalah apa ni adalah rasa yang kesukarelawanan ni adalah aktiviti yang tidak dapat balasan kepada kita ia adalah aktiviti yang memerlukan keikhlasan.” (Peserta 5, Kumpulan 1)

“Kita kena memudahkan kerja orang lain sebab kita dah sukarelawan, kita kena buat kerja tu dengan ikhlas dan saling bila kita bantu orang, orang tu akan bantu kita balik.” (Peserta 7, Kumpulan 2)

Cabaran dalam Kesukarelawanan

Cabaran yang dihadapi dalam bidang kesukarelawanan dalam temubual peserta FGD antaranya adalah kekangan masa, pemikiran kritis dalam membuat keputusan dan juga kurang keyakinan untuk menyertai sukarelawan.

Kekangan Masa

Peserta kajian merasakan masa merupakan cabaran yang dihadapi kebanyakan pelajar universiti. Isu kekangan masa merupakan halangan paling utama di mana pelajar perlu menguruskan masa untuk menyeimbangkan komitmen sukarelawan dengan tuntutan akademik yang padat, dan tanggungjawab peribadi. Sebagai contoh, seorang pelajar tahun akhir mungkin terpaksa memilih antara menghadiri bengkel sukarelawan atau menyiapkan projek kursus yang kritikal. Mohd Faiq & Shazlyn (2024) secara eksplisit menekankan bahawa kekangan masa dan konflik jadual adalah faktor utama yang menyukarkan mahasiswa untuk mengekalkan penglibatan yang konsisten. Cabaran ini turut disokong oleh Musick & Wilson (2008) menggariskan masa sebagai sumber paling terhad dalam penglibatan individu dalam aktiviti kesukarelawanan.

“Program selalu bertembung dengan jadual kuliah.” (Peserta 3, Kumpulan 2).

Pemikiran Kritis

Peserta kajian menyatakan penglibatan mereka dalam aktiviti kesukarelawan menuntut mereka untuk membuat keputusan dengan cepat dan tepat mengikut situasi yang dilalui. Ini menyebabkan mereka perlu berfikir secara kritis untuk menangani masalah yang dihadapi. Cabaran pemikiran secara kognitif iaitu pemikiran kritis menuntut aplikasi kemahiran berfikir aras tinggi semasa

berhadapan dengan realiti kerja lapangan. Aktiviti kesukarelawanan yang dirancang kadangkala hasilnya di luar jangkaan atau tidak seperti yang dirancang boleh menimbulkan rasa kekecewaan. Keadaan di luar jangkaan ini memerlukan pemikiran kritis untuk menilai semula matlamat projek dan merancang strategi yang lebih lestari. Wilson (2012) menyatakan bahawa kegagalan untuk memenuhi jangkaan sukarelawan, terutamanya yang berasaskan motivasi pembelajaran, boleh menyebabkan mereka menghentikan khidmat. Seterusnya, isu pemikiran kritis melibatkan faktor komunikasi ini dapat dilihat melalui kesukaran dalam berkomunikasi dengan ahli pasukan atau penerima bantuan yang berbeza latar belakang budaya atau bahasa, sekaligus menuntut kemahiran membuat keputusan yang cekap. Manaf et al. (2021) menekankan bahawa aktiviti sukarelawan mengasah kemahiran generik pelajar, termasuk keupayaan menyelesaikan masalah dan membuat keputusan di bawah tekanan. Konklusinya, pemikiran kritis merupakan cabaran yang besar yang dihadapi oleh pelajar apabila terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan.

“Okay, tadi saya cakap pasal *critical thinking*. So, macam yang kita tahu, *critical thinking* ni adalah pembuatan keputusan dengan cepat, pantas.” (Peserta 5, Kumpulan 2)

Kurang Keyakinan Diri

Selain itu, kurang keyakinan diri turut menjadi cabaran utama bagi peserta kajian yang terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan. Kekangan ini sering berpunca daripada faktor umur yang masih muda, pengalaman sosial yang terhad, dan kebimbangan untuk berinteraksi dengan individu baharu. Sebagai contoh, sesetengah pelajar berasa tidak yakin untuk memulakan komunikasi dengan komuniti setempat atau mengambil peranan kepimpinan, sekali gus mengekang potensi mereka untuk terlibat secara aktif. Kajian terkini menunjukkan bahawa tahap efikasi sendiri yang rendah mengurangkan kesediaan pelajar mencuba tugas baharu dan meningkatkan kecenderungan mengelak situasi sosial yang mencabar (Aithal & Kumar, 2023; Ng & Cheung, 2022). Secara keseluruhannya, walaupun terdapat pelajar yang memulakan penglibatan dengan rasa kurang yakin atau tidak berminat, pengalaman positif sepanjang aktiviti kesukarelawanan berupaya mengubah persepsi mereka dan meningkatkan keyakinan diri serta komitmen terhadap kerja sosial.

“Ok, cabaran untuk jadi seorang yang amanah ni satu kurangnya sifat percaya dalam diri. Contoh kalau ada orang tu dia nak cuba sesuatu yang baru. Nak cuba kerja yang lain daripada yang dia pernah dapat. Jadi, dia macam dia nak cuba benda yang baru tapi dalam masa yang sama dia tak yakin dengan diri dia. Bila dia tak yakin dengan diri dia, dia akan jadi kurang motivasi. Bila kurang motivasi, dia akan bagi macam 50-50 untuk benda yang dia buat tu.” (Peserta 6, Kumpulan 1)

PERBINCANGAN

Penglibatan mahasiswa dalam kesukarelawanan merupakan fenomena multidimensi yang dapat dianalisis secara berkesan melalui tiga kerangka teoritis utama, iaitu Teori Fungsional Kesukarelawanan (TFK), Teori Pembelajaran Berasaskan Pengalaman (TPE), dan konsep Modal Sosial. Dari sudut motivasi, dapatan kajian selaras dengan TFK (Clary et al. 1998), khususnya fungsi nilai, peningkatan diri, dan sosial. Pelajar didorong bukan sahaja oleh altruisme dan nilai kemanusiaan (Siti Nathrah & Fuziah, 2020), tetapi juga oleh keperluan pembangunan diri yang ingin memperoleh kemahiran baharu dan meningkatkan kebolehpasaran, serta rasa kebersamaan

yang sering dipengaruhi oleh rakan sebaya (Tuan Pah Rokiah & Lilah, 2016). Integrasi motif ini menjelaskan mengapa penglibatan yang bermula secara “terpaksa” kadangkala boleh bertukar menjadi minat tulen, kerana ia memenuhi kedua-dua nilai peribadi dan manfaat fungsional.

Pemikiran secara kritis mengasah kemahiran yang kritikal pula bertepatan dengan Teori Pembelajaran Berasaskan Pengalaman (TPE) (Kolb, 1984). Melalui pengalaman konkrit di lapangan, seperti berhadapan dengan situasi baharu di luar negara atau di kawasan pedalaman, pelajar dipaksa untuk melalui kitaran refleksi, pembentukan konsep, dan eksperimen aktif. Proses ini penting dalam membentuk kompetensi insaniah yang diutamakan, termasuk komunikasi yang berkesan (Hamzah et al., 2022) dan keupayaan beradaptasi dan membuat keputusan dalam persekitaran yang tidak menentu. TPE menegaskan bahawa pembelajaran ini adalah hasil daripada cabaran praktikal yang menguji keupayaan pemikiran kritis pelajar dan memaksa mereka untuk menguruskan kekangan masa dan tanggungjawab berganda secara berkesan (Mohd Faiq & Shazlyn, 2024).

Cabaran seperti kekangan masa, tahap pemikiran kritis yang masih berkembang, dan kurang keyakinan diri menjejaskan penglibatan pelajar secara konsisten dalam aktiviti kesukarelawanan. Menurut Putnam (2000), modal sosial penting kerana ia menyediakan asas hubungan, kepercayaan, dan sokongan yang membolehkan individu bekerjasama dengan lebih berkesan dalam aktiviti komuniti. Dalam konteks kesukarelawanan pelajar, modal sosial yang kukuh membina rangkaian rakan sebaya, mentor, dan komuniti yang dapat memberi sokongan emosi, berkongsi maklumat, serta meningkatkan keyakinan diri untuk terlibat secara aktif. Apabila sokongan sosial dan jaringan kerjasama tidak kukuh, pengalaman kesukarelawanan menjadi rapuh dan tidak mampan (Mohamad Zaini & Siti Aisyah, 2021). Oleh itu, universiti wajar memperkukuh modal sosial pelajar melalui rangkaian sokongan yang lebih tersusun melalui pembangunan modul program kesukarelawanan dalam melahirkan pelajar yang kompeten yang dapat menyumbang kepada program sukarelawan yang lebih berimpak.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, penglibatan mahasiswa dalam kesukarelawanan secara jelas terbukti berfungsi sebagai medium berkesan untuk melahirkan pelajar yang kompeten dari segi kemahiran insaniah seperti komunikasi, kerja berpasukan dan adaptasi, tetapi juga memperkukuh tanggungjawab sivik dan modal sosial pelajar. Walaupun motivasi adalah tinggi didorong oleh altruisme, pengaruh rakan sebaya, dan nilai spiritual; inisiatif ini sering kali terhalang oleh cabaran kritikal seperti kekangan masa, pemikiran kritis dan kurang keyakinan diri yang memerlukan campur tangan struktural. Justeru, bagi memastikan keberkesanan dan kelestarian program, institusi pendidikan tinggi mempunyai tanggungjawab strategik untuk mengintegrasikan kesukarelawanan secara formal dalam kurikulum dan menyediakan modul yang tersusun dan berimpak serta sokongan sistem yang mantap. Langkah ini bukan sahaja menguatkan impak pembangunan diri tetapi juga membuka jalan untuk penyelidikan masa depan yang lebih mendalam mengenai hubungan antara kesukarelawanan, kebolehpasaran, dan keterlibatan sivik pelajar melalui kajian kuantitatif berskala besar.

Bagi memperkaya pemahaman dalam bidang ini, beberapa cadangan untuk kajian lanjutan adalah seperti berikut:

1. Menjalankan kajian kuantitatif berskala besar untuk mengesahkan dapatan kualitatif ini dan mengukur tahap kemahiran sukarelawan di kalangan populasi pelajar yang lebih luas di pelbagai institusi pengajian tinggi.
2. Meneroka keberkesanan program latihan sukarelawan sedia ada dalam membangunkan kemahiran yang dikenal pasti, melalui pendekatan longitudinal atau kajian intervensi.
3. Mengkaji peranan mentor atau fasilitator dalam memupuk minat dan mengatasi cabaran yang dihadapi oleh sukarelawan pelajar, dengan memberi tumpuan kepada strategi bimbingan yang berkesan.
4. Melakukan kajian perbandingan antara persepsi pelajar dari pelbagai disiplin ilmu atau institusi pengajian tinggi yang berbeza, bagi mengenal pasti variasi dalam keperluan kemahiran dan cabaran.
5. Menganalisis impak jangka panjang penglibatan sukarelawan terhadap kebolehpasaran graduan dan pembangunan kerjaya mereka.

PENGHARGAAN

Kajian ini dijalankan dengan sokongan geran GUP-2023-052. Penulis merakamkan penghargaan kepada semua peserta FGD dari Persatuan Mahasiswa Citra (PESISTRA), Pusat Pengajian Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia atas sokongan dalam pelaksanaan kajian ini.

RUJUKAN

- Ab. Razak, M. R., Kamarulzaman, Y., and Fadzilah, M. J. 2023. Peranan sukarelawan mahasiswa dalam membangunkan komuniti lestari. *Jurnal Pembangunan Sosial* 26(1): 45-60.
- Abu Bakar, A. Y., and Karim, O. A. 2021. Program “Gap Year” institusi pengajian tinggi awam (IPTA): Pengalaman Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). *Jurnal Personalia Pelajar* 24 (1): 23-8. <http://www.ukm.my/personalia/publication/artikel5-jun-2021>.
- Ain Nuraisha Mahazir, and Nur Syafiqah Ab Aziz. 2025. Students’ perception on the impact of community service and volunteerism experience on social skills at the Language Centre, National Defence University of Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar* 28 (1): 151-63.
- Aithal, A., and Kumar, P. 2023. Self-efficacy and social engagement among university volunteers: Implications for youth development. *Journal of Youth Development* 18 (2): 45-60.
- Basnet, H. B. 2018. Focus group discussion: A tool for qualitative inquiry. *Researcher: A Research Journal of Culture and Society* 3(3): 81-8. <https://doi.org/10.3126/researcher.v3i3.21553>.
- Brewis, G., and Holdsworth, C. 2022. Reimagining student volunteering: From charity to social change. *Higher Education Quarterly* 76(2): 349-64.

- Castillo-Montoya, M. 2016. Preparing for interview research: The interview protocol refinement framework. *The Qualitative Report* 21(5): 811-31. <https://doi.org/10.46743/2160-3715/2016.2337>.
- Clary, E. G., Ridge, R. D., Stukas, A. A., Snyder, M., Copeland, J., Haugen, J., and Miene, P. 1998. Understanding and assessing the motivations of volunteers: A functional approach. *Journal of Personality and Social Psychology* 74(6): 1516-30. <https://doi.org/10.1037/0022-3514.74.6.1516>.
- Creswell, J. W., and Poth, C. N. 2018. *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing among Five Approaches*. 4th ed. SAGE Publications.
- Davies, B., Abrams, D., Horsham, Z., et al. 2024. The causal relationship between volunteering and social cohesion: A large-scale analysis of secondary longitudinal data. *Social Indicators Research* 171: 809-25. <https://doi.org/10.1007/s11205-023-03268-6>.
- Fatihah Azali, Ain Auni Batrisa Aidil, and Sharima Ruwaida Abbas. 2025. The role of UUM volunteers in safe touch education in primary schools. *Jurnal Personalia Pelajar* 28 (1): 211-7.
- Gómez, R., Morales, F., and Pérez, L. 2020. Volunteering in the university context: Student perception and participation. *Education Sciences* 10(12): 380. <https://doi.org/10.3390/educsci10120380>.
- Hamzah, I. S., Mohamad Zin, S. A., Jamal, M. B., Sarifin, M. R., and Kamarudin, L. A. 2022. The role of voluntary activity in nurturing student's soft skills: Peranan aktiviti sukarela dalam memupuk kemahiran insaniah mahasiswa. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan* 14(2), 67-80. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol14.sp.6.2022>
- IAEME. 2020. Volunteering among students of Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). *International Journal of Mechanical Engineering and Technology* 9 (6): 630-8.
- Kitzinger, J. 1995. Qualitative research: Introducing focus groups. *BMJ* 311(7000): 299-302.
- Kolb, D. A. 1984. *Experiential Learning: Experience as the Source of Learning and Development*. Prentice-Hall.
- Manaf, N. A., Ahmad, I. R., and Baharudin, N. I. 2021. Hubungan antara kemahiran generik dengan aktiviti sukarelawan dalam kalangan pelajar. *Jurnal Kejuruteraan, Teknologi and Sains Sosial (JKTSS)*, 7(2).
- Merriam, S. B., and Tisdell, E. J. 2016. *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*. 4th ed. Jossey-Bass.
- Mohd Faiq, A., and Shazlyn, A. Z. 2024. Cabaran logistik dan adaptasi sukarelawan mahasiswa dalam pengurusan projek komuniti. *Jurnal Sains Sosial & Kemanusiaan Kontemporari* 18(1): 77-90.
- Muhammad Meffzal Mohd Sazwan, Salma Wael Marzouk Abouelsoud Hashem, Muhammad Yamin Mohd Sharohhuddin, Ahmad Firdhaus Arham, Mohd Suzeren Md. Jamil, Norinsan Kamil Othman, & Nur Hasyareeda Hassan. 2025. Empowering students for future success: A

- comprehensive approach to soft skills development and enhanced graduate employability. *Jurnal Personalia Pelajar* 28(1): 201-9.
- Musick, M. A., and Wilson, J. 2008. *Volunteers: A Social Profile*. Indiana University Press.
- Ng, A., dan Cheung, S. 2022. Youth volunteers' confidence building through community engagement: A qualitative exploration. *Asian Journal of Social Psychology* 25(4): 567-79.
- Nik Ahmad Farid, B. N. S., Noornajihan, J., Nusairah, R., and Aizan Sofia, A. 2023. Faktor penglibatan kesukarelawan: Analisis tinjauan literatur sistematik. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs* 7:54—5.
- Normah Awang Noh, Lukman @ Zawawi Mohamad, and Najiah Sahide. 2023. Factors influencing engagement and type of volunteering activities preferred by public university students. *Malaysian Journal of Social Administration* 17:141-9.
- Nurnazihah Basirun, S. R. Abbas, and R. Abdullah. 2024. Volunteering activity during pandemic: Challenge and involvement from UUM students. *Jurnal Personalia Pelajar* 27(1): 269-86.
- Putnam, R. D. 2000. *Bowling Alone: The Collapse and Revival of American Community*. Simon & Schuster.
- Sloman, K. N. 2010. Research trends in descriptive analysis. *The Behaviour Analyst Today* 11(1): 20-35.
- Turner, R. 2022. Social skills training programs: Efficacy and application. *Journal of Behavioral Therapy* 29(1): 102-19.
- van Vianen, A. E. M., and Fischer, A. H. 2002. Relation between intellectual ability and metacognitive skillfulness as predictors of learning performance of young students performing tasks in different domains. *Learning and Individual Differences* 18(1): 128-34.
- Wildman, J. L., Nguyen, D. M., Duong, N. S., and Warren, C. 2021. Student teamwork during COVID-19: Challenges, changes, and consequences. *Small Group Research* 52(2): 119-34.
- Wilson, J. 2012. Volunteering. *Annual Review of Sociology* 38: 215-30.
- Xu, S., Wang, Y. C., and Wen, H. 2019. A case study for student leadership development: A goal-setting perspective. *Journal of Hospitality, Leisure, Sport & Tourism Education* 24: 168-77.

NURUL HIDAYAH BINTI JAMALUDIN
Pusat Pengajian Citra Universiti
Universiti Kebangsaan Malaysia
p145218@siswa.ukm.edu.my

ROZITA IBRAHIM*
Pusat Pengajian Citra Universiti
Universiti Kebangsaan Malaysia
eta@ukm.edu.my

ZURINA MAHADI
Pusat Pengajian Citra Universiti
Universiti Kebangsaan Malaysia
kina@ukm.edu.my

WARDAH MUSTAFA DIN
Pusat Pengajian Citra Universiti
Universiti Kebangsaan Malaysia
wardahmustafadin@ukm.edu.my

NURUL HANIS AMINUDDIN JAFRY
Pusat Pengajian Citra Universiti
Universiti Kebangsaan Malaysia
hanisaj@ukm.edu.my

*Pengarang koresponden: eta@ukm.edu.my

Received: 30 September 2025 / Accepted: 20 November 2025 / Published: 5 December 2025